

# Pelajar disaran dalami bidang minyak dan gas

UB 08.09.2012 A2

Oleh **SITI AISYAH NARUDIN**  
aisyahub@gmail.com

**KOTAKINABALU:** Pelajar yang mengikuti kursus bidang minyak dan gas disaran untuk meneruskan minat mendalami pembelajaran masing-masing tahap hingga mencapai tahap pakar.

Pengerusi Kumpulan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Link Holdings Sdn Bhd, Datuk K.Y. Mustafa berkata perkembangan industri minyak dan gas di negeri ini memerlukan lebih ramai pakar khususnya anak tempatan Sabah untuk menerajui industri itu.

Menurutnya, golongan muda sekarang dianggap bertuah kerana mereka terbuka kepada peluang yang luas untuk mendalami bidang minyak dan gas.

“Tidak seperti 20 tahun sebelum ini, peluang untuk mempelajari bidang minyak dan gas sukar diperolehi di negeri ini.

“Justeru, kepada pelajar yang mendapat peluang menjadi penuntut jurusan minyak dan gas perlu menggunakan sepenuhnya



**MUSTAFA (kanan) menyampaikan sijil kepada pelajar yang lulus sijil BTEC Tahap 2.**

peluang berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis Lafaz Ikrar Pelajar Baru Akademi Minyak dan Gas Tun Ahmadshah Abdullah (Tas Academy) Sesi September 2012 dan penyampaian sijil pelajar Majlis Pendidikan Perniagaan dan Teknologi

(BTEC) Tahap 2 di sini kelmarin.

Mustafaberkata, penubuhan Akademi Tas sebagai satu lonjakan yang sangat tinggi di Sabah khususnya dalam industri minyak dan gas.

Jelasnya, minyak dan gas adalah satu bidang yang memerlukan kepakaran dan kemudahan dengan

perbelanjaan yang tinggi.

“Mencari pelajar untuk mengikuti kursus dalam bidang ini sememangnya mudah, namun untuk menampung perbelanjaan bagi meneruskan kursus ini menuntut kos yang tinggi,” katanya.

Sehubungan itu, sokongan secara berterusan daripada semua pihak terutamanya kerajaan negeri amat diperlukan bagi memastikan setiap perancangan yang ditetapkan berjaya dicapai.

Selain itu, Mustafa turut mengingatkan kepada pelajar baru agar melengkapkan diri dengan penuh persediaan mengikuti pengajian dalam bidang berkenaan.

Pada majlis itu, seramai 12 orang pelajar baru melafazkan ikrar yang mana 10 daripadanya mendapat tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Negeri Sabah.

“Penyampaian sijil kepada 41 orang pelajar yang lulus BTEC Tahap 2 dalam bidang masing-masing adalah untuk memupuk semangat kepada pelajar baru agar lebih berusaha menimba ilmu dan lulus dengan cemerlang,” katanya.